

NO. SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 8 MAC 2016

RUJUKAN : 8537

SOALAN:

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan selain Daesh (IS), terdapat berapa pertubuhan pengganas atau ekstremis di dunia dan di Malaysia dan cara mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga kini terdapat 391 pertubuhan dan kumpulan di seluruh dunia yang dikategorikan sebagai pengganas oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Di Malaysia pula, Kerajaan telah mengenal pasti danewartakan 18 pertubuhan dan kumpulan sebagai kumpulan pengganas. Antara kumpulan tersebut ialah Islamic State (Daesh), Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE), Boko Haram dan Abu Sayyaf Group (ASG).

Di samping itu, pihak berkuasa turut memberi perhatian kepada pertubuhan dan kumpulan yang disenaraikan oleh negara-negara lain termasuklah 59 pertubuhan dan kumpulan yang disenaraikan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menangani ancaman kumpulan-kumpulan pengganas ini, Kementerian telah memperkemas dan memperkukuhkan undang-undang sedia ada serta mewujudkan undang-undang baru. Kementerian turut meneruskan pemerhatian, pemantauan dan sekatan terhadap sebarang aktiviti dan jaringan perhubungan oleh kumpulan dan pertubuhan pengganas berkenaan. Pemeriksaan dan kawalan di semua pintu masuk dan sempadan negara turut diperketat.

Selain itu, kerjasama dengan semua agensi Kerajaan dalam dan luar negara terus dipererat dan diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membendung penularan ideologi ekstrem dan keganasan, Kementerian telah mengadakan program penerangan kepada segenap lapisan masyarakat bagi memberikan kesedaran mengenai bahaya ancaman kumpulan pengganas ini terutamanya Daesh.